

Memorandum Untuk Menyelamatkan Ikan Berparuh Di Malaysia

Saya/Kami seperti di bawah ingin menarik perhatian pihak berkuasa bahawa spesies ikan berparuh di Malaysia sedang diancam oleh sektor perikanan komersil. Spesies ikan berparuh ini telah ditangkap secara komersil lantas mengurangkan sumber rekreasi yang berharga untuk dijadikan keropok, bahan dalam masakan bubur, ikan kering dan sebagainya. Ini menjadikan spesies ikan berparuh ini bukan lagi tangkapan sampingan, tetapi sengaja ditangkap atas nilai komersilnya.

Buat masa ini, ikan berparuh tidak dilindungi oleh undang-undang. Oleh itu tiada halangan untuk bebas menangkapnya.

Tindakan yang drastik dan segera harus diambil oleh pihak berkuasa berkenaan dan juga kerajaan persekutuan bagi menghentikan kegiatan ini sebelum ianya terlambat.

Spesies ikan berparuh ini telah menjelajah lautan untuk satu perjalanan yang amat jauh untuk sampai ke perairan negara kita. Di sini, kehadirannya telah memangkinkan pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti pelancongan dan juga sektor sukan memancing. Spesies ikan berparuh ini telah menjadi simbol sukan memancing dan menarik minat para pemancing dari seluruh dunia untuk datang ke Malaysia.

Untuk melindungi sepenuhnya spesies ikan berparuh di Malaysia, saya/kami menyeru Kerajaan Malaysia utk:

- **mengharamkan tangkapan dan jualannya secara komersil di Malaysia**
- **mengenalpasti dan mewartakan kawasan bebas dari aktiviti perikanan komersil di kawasan habitat utama spesies ikan berparuh ini**
- **menubuhkan satu badan khas untuk memantau dan menguatkuasakan cadangan di atas**

Kita telah pun kehilangan warisan penyu karah, spesies yang dilindungi di peringkat antarabangsa. Janganlah kita membuat satu lagi kesilapan yang seumpamanya ke atas spesies ikan berparuh kita.

.....
Tandatangan

.....
Tarikh

.....
Nama

.....
NRIC / Passport No.